



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217, 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 4457 (KP),  
E-mail : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

*Oleh;*

**YH DATO' DR. ABD AZIZ JAMALUDDIN**

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia**

**14 April 2010**

### **LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGATASI KENAIKAN HARGA DAGING BABI DI PASARAN TEMPATAN**

1. Berdasarkan pemantauan JPV, pada masa kini, pengeluaran daging babi di Semenanjung Malaysia adalah 184,000 tan metrik setahun dan penggunaan per kapita daging babi ialah 20 kg setiap orang setahun. Tidak terdapat peningkatan dalam penggunaan per kapita daging babi direkodkan. Harga di ladang untuk babi hidup di Semenanjung Malaysia adalah RM 7.90 sekilogram berbanding RM9.50 sekilogram di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan harga daging babi di antara RM3 sehingga RM5 di bandar dan luar bandar. Kos pengeluaran ialah RM6.78/kg babi hidup. Kos pengeluaran akan meningkat sejajar dengan peningkatan kos makanan ternakan. Walau bagaimanapun, JPV mendapati tiada peningkatan mendadak untuk kos makanan ternakan berlaku pada tahun ini.
2. Bagi mengatasi masalah harga daging babi di pasaran tempatan ketika ini, JPV telah meluluskan 8 buah syarikat untuk mengimport daging babi beku dengan jumlah keseluruhan 1,600 metrik tan dari abatoir luar negara yang telah diluluskan oleh Jabatan. JPV tidak akan teragak-agak untuk menambahkan lagi kelulusan import daging babi beku sekiranya perlu, untuk menstabilkan semula harga daging babi di pasaran tempatan. Nilai import produk babi pada tahun 2009 ialah RM64.87 juta, manakala dari Januari hingga Mac 2010 ialah RM21.06 juta.

3. MOA melalui JPV akan mengadakan perbincangan dengan penternak dan penjual babi hidup bagi memastikan harga jualan tidak membebankan rakyat. JPV juga akan bekerjasama dengan persatuan penternak dan pembantai bagi mendapat maklumat masa kini mengenai pola naik turun harga pasaran daging babi di seluruh negara.
  
4. MOA sentiasa prihatin di atas keperluan pengguna tempatan dan akan sentiasa memantau pengeluaran daging babi tempatan dan harga semasa.